

Hasut penduduk untuk gagalkan pembangunan di Pulau Langkawi PM kecam pihak tertentu jadi negara asing alat

Oleh
Azizan Haji Hashim

LANGKAWI 3 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam pihak-pihak tertentu yang menjadi alat kepada negara asing dengan menghasut penduduk Langkawi untuk menggagalkan rancangan pembangunan di pulau itu dan Pertunjukan Antarabangsa Udara & Maritim Langkawi (LIMA) '91.

Walaupun beliau tidak menyebut secara khusus pihak berkenaan tetapi golongan itu menurutnya berpusat di Pulau Pinang.

Sambil menyifatkan tindakan golongan itu sebagai 'melacurkan diri kepada negara asing' Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan kesal

kerana golongan itu sanggup menggadaikan maruah sesuatu rupa demi niat buruk mereka.

Beliau membentahu hal ini kepada para pemberita selepas lawatan sehari ke sini untuk melihat persiapan LIMA '91.

Perdana Menteri diiringi oleh Pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Tun Daim Zainuddin dan Menteri Pertahanan Dato' Sri Najib Tun Razak.

Mengenai persiapan LIMA, beliau berkata, semua keperluan bagi menjayakannya termasuk bilik pameran pertunjukan

udara, penginapan peserta dan pengangkutan berjalan lancar.

Beliau berpuashati harga-harga bilik penginapan yang sebelum ini dilaporkan terlalu tinggi telah diberi jaminan oleh pihak para pengusaha hotel dalam lingkungan \$100 sahaja.

Perdana Menteri vakin LIMA akan berjaya 'mengikut rancangan. "Jika ia berjaya kerajaan mungkin mengadakan setiap dua tahun di tempat yang sama."

Menurut Perdana Menteri, LIMA tidak tertumpu kepada pameran pesawat-pesawat besar sahaja tetapi juga kepada kapal-kapal jenis kecil dan kapal-kapal prsiaran.

Beliau tidak menolak kemungkinan pesawat-pesawat jenis penyerang dan kelengkapan ketenteraan dipamerkan semasa LIMA berlangsung mulai 11 hingga 15 November.

Mengenai harga-harga barangan di Langkawi, beliau menasihati para peniaga dan juga pengusaha chalet serta rumah tumpangan supaya tidak mengenakan harga terlalu tinggi terhadap para pelancong sepanjang pameran itu berlangsung.

"Mereka tidak wajar mengambil kesempatan untuk mengaut untung pada hari ini jika mereka mahu pelancong datang lagi ke Langkawi," ujarnya.

Kata Perdana Menteri, para pelancong adalah punca pendapatan penduduk-penduduk Langkawi dan mereka harus diberi iayanan baik kerana merekalah yang membiayai sara hidup pulau ini.

Mengenai penduduk di kawasan yang tertinggal dengan pembangunan, Perdana Menteri berkata kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) bagi menolong mereka.

Katanya, segala keuntungan dari pelaburan LADA akan ditabungkan dalam ASAL supaya penduduk miskin dapat melabur melalui saham-saham tertentu yang diuruskan oleh ASAL.